

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9/12/2010

BH PILIH 22A 9 (emel)

Khazanah bangunkan Teluk Datai

RM1b majukan 4 projek mega di kawasan seluas 607 hektar di Langkawi

BH 9/12/2010

Oleh Adha Ghazali
adha@bharian.com.my

KHAZANAH Nasional Bhd melancarkan Pelan Pembangunan Teluk Datai membabitkan pembangunan dan penambahbaikan aset Teluk Datai Resorts Sdn Bhd dengan pelaburan mencecah RM1 bilion.

Pelan pembangunan itu yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Langkawi semalam, meliputi pelaburan ke atas beberapa projek di bawah Teluk Datai Resorts, bagi tempoh empat tahun bermula tahun ini.

Perdana Menteri ketika mengumumkan pelan pembangunan itu yakin kerjasama Khazanah dan Teluk Datai Resorts akan menjadi satu titik tolak kepada usaha melonjakkan imej Langkawi sebagai sebuah lokasi pelancongan unggul di dunia.


Beliau berkata, melalui pelan itu Khazanah akan menyuntik modal mencecah RM1 bilion untuk membangunkan empat projek di kawa-

san seluas 607 hektar milik Teluk Datai Resorts, termasuk penyediaan 14 villa mewah masing-masing bernilai RM2.5 juta yang dijangka siap menjelang suku pertama 2012.

"Melalui pelan itu juga, Teluk Datai Resorts akan menyusun semula Kelab Golf Datai di Datai Bay, untuk dinaikkan taraf sehingga bertaraf antarabangsa, selain membangunkan sebuah hotel baru 300 bilik bertaraf lima bintang dengan kerjasama Shangri-La Hotels (Malaysia) Bhd," katanya.

Selepas pelancaran itu, Perdana Menteri menyaksikan perjanjian memuktamadkan kerjasama itu antara Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar dan Pengasas Teluk Datai Resorts, Tan Sri Mohd Razali Abdul Rahman yang juga Pengerusi Eksekutif Paremba (M) Sdn Bhd.

Pada majlis sama, dua lagi perjanjian persefahaman dimeterai membabitkan projek usaha sama Teluk Datai Resorts bersama dua lagi pihak iaitu Shangri-La



PENGURUS Projek Teluk Datai Resort Sdn Bhd, John Ballatyne (kanan) memberi penerangan mengenai pelan pembangunan yang akan di bangunkan di kawasan Teluk Datai kepada Najib. Turut sama Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

dan Camco South East Asea.

Hadir sama pada majlis itu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana

Menteri, Tan Sri Nor Mohamad Yakcop.

Julai lalu, Khazanah memuktamadkan pembelian 70 peratus ekuiti dalam Teluk

Datai Resorts, yang turut meliputi hotel The Datai Langkawi, Kelab Golf, Datai Bay dan 607 hektar tanah di Teluk Datai.